

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Penting: Sila baca Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Kad Kredit BSN Visa Cash Back. Pastikan anda juga membaca Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/Mastercard yang tersedia di www.bsn.com.my. Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/Mastercard.

**BANK SIMPANAN NASIONAL****PRODUK: KAD KREDIT BSN VISA CASH BACK****TARIKH :**

(untuk diisi oleh Wakil Jualan / Cawangan)

1. Apakah produk ini?

Kad Kredit BSN Visa Cash Back ("Kad Kredit") adalah kad yang memberi ganjaran kepada anda dengan pulangan tunai bagi pembelian runcit tempatan dan luar negara. Kad ini dilengkapi dengan had kredit yang diberikan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) kepada anda dan sekiranya apa-apa amanah kredit yang anda gunakan tidak diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh yang ia perlu dibayar, jumlah yang belum diselesaikan akan tertakluk kepada caj kewangan. Untuk maklumat lanjut berkenaan Kad Kredit, sila layari www.bsn.com.my

Tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Visa/Mastercard:

- Kelayakan untuk mendapatkan Kad Kredit adalah tertakluk kepada pendapatan minimum RM48,000 setahun. Untuk menggantikan bukti pendapatan, anda boleh membuat sandaran Sijil Simpanan Premium (SSP)/BSN Term Deposit. Jumlah sandaran minimum ialah RM4,000 sahaja dan mungkin berbeza tertakluk kepada jenis kad;
- Permohonan bagi Kad Kredit adalah tertakluk kepada kelulusan dan penentuan had kredit oleh BSN atas budi bicaranya. Duti setem sebanyak RM5 akan dikenakan dan dicaj kepada akaun kad kredit anda bagi setiap RM1,000 had kredit yang diluluskan.

2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?**a) Pulangan tunai**

Pulangan tunai yang diperoleh akan dikreditkan setiap bulan ke Akaun Kad Kredit BSN Visa Cash Back.

Peringkat	Jumlah Perbelanjaan Runcit Bulanan	Pulangan tunai					Perbelanjaan Luar Negara (Bukan mata wang RM)	
		Perbelanjaan Tempatan				Lain-lain Perbelanjaan Runcit		
		Barangan Runcit	Tempat Makan	Petrol				
1	RM999.99 dan ke bawah	0.20%	0.20%	0.20%	0.20%	0.20%	1.00%	
2	RM1,000.00 hingga RM2,999.99	1.00%	1.00%	1.00%	0.20%	0.20%	1.00%	
3	RM3,000.00 dan ke atas	5.00%	5.00%	5.00%	0.20%	0.20%	1.00%	
Jumlah Pulangan Tunai Dihadkan Setiap Bulan		RM15 setiap kategori setiap bulan				Tiada Had		

Nota:

Transaksi berikut **TIDAK DIAMBIL** kira dalam pengumpulan jumlah Pulangan Tunai:

- Jenis transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi Pendahuluan Tunai, Program Pindahan Baki BSN dan Pelan EasyCash BSN;
- Transaksi tunai separa (Quasi) (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
- Yuran dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj untuk pengeluaran wang tunai dan bayaran tunai, yuran tahunan, faedah, transaksi yang dipertikaikan, caj kerajaan dan apa-apa jenis caj dan denda;
- Transaksi penukaran ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan 'Instalment-Pay BSN' dan Pelan '0% EasyPay BSN';
- Pemindahan dana (bagi tujuan pembayaran kad kredit oleh pelanggan);
- Transaksi dipertikaikan yang kemudian dibalikkan daripada akaun Ahli Kad;
- Tambah nilai prabayar, tambah nilai untuk e-dompet atau lain-lain kredit tersimpan kad;
- Semua transaksi pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan, cukai, derma dan amal; dan
- Pembayaran melalui JomPAY dan 'Financial Process Exchange' (FPX).

b) Had Kredit

Ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan anda dan penilaian kredit ke atas anda, tertakluk kepada budi bicara BSN.

c) Caj Kewangan:

i. **Pembelian Runcit**

Caj Kewangan akan dikenakan ke atas baki tertunggak transaksi runcit yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Pengiraan Caj Kewangan bermula dari tarikh transaksi diposkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit berdasarkan kadar berikut:

Syarat	Caj Kewangan
Peringkat I Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu di bayar selama 12 bulan berturut-turut	15% setahun
Peringkat II Pemegang Kad yang menjelaskan bayaran minimum yang perlu dibayar bagi 10 bulan atau lebih dalam kitaran 12 bulan	17% setahun
Peringkat III Pemegang Kad yang tidak termasuk di dalam kategori-kategori di atas	18% setahun

Nota: Untuk menikmati Caj Kewangan yang lebih rendah untuk transaksi runcit, anda harus membuat sekurang-kurangnya 10 bulan pembayaran tepat masa dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

ii. **Pendahuluan Tunai**

Caj Kewangan akan dikenakan pada kadar 1.5% sebulan yang bersamaan 18% setahun dan dikira pada kadar harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit. Anda boleh mengeluarkan sehingga 75% daripada had kredit sedia ada.

d) **Tiada Fi Tahunan**

Fi tahunan dikekualikan seumur hidup untuk Kad Utama dan Kad Tambahan tanpa sebarang syarat.

e) **Perlindungan Insurans Kemalangan Perjalanan**

Perlindungan insurans kemalangan perjalanan sehingga RM300,000 apabila anda membayar tambang perjalanan penuh tiket kapal terbang menggunakan Kad Kredit BSN

f) **Penggunaan Kad Kredit BSN untuk transaksi berkaitan tol**

Kad Kredit BSN ditetapkan secara automatik untuk membayar tranksaksi berkaitan tol dengan mengimbas Kad Kredit BSN pada terminal pembayaran. Pilihan pembayaran tol menggunakan Kad Kredit BSN akan diusahakan oleh Touch n' Go Group dengan kebenaran pembayaran secara tertunda, yang mana berpotensi menyebabkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa sebenar transaksi.

3. Apakah tanggungjawab saya?

• **Bayaran Minimum Bulanan**

5% baki semasa* + 100% ansuran bulanan (jika ada)** + 100% amaun tunggakan (jika ada) + amaun melebihi had kredit (jika ada) ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

*Baki semasa = Cukai Perkhidmatan + transaksi runcit (jika ada) + amaun pendahuluan tunai (jika ada) + caj kewangan dan/atau caj lewat dan sebarang fi dan caj lain yang berkaitan (jika ada).

**Terpakai kepada Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN *EasyCash*, Pelan 0% *EasyPay* BSN, Pelan *Instalment-Pay* BSN yang BAHARU, Program Penukaran Baki Automatik (ABC) dan pelan ansuran lain yang disediakan dari semasa ke semasa yang diluluskan bermula dari 2 Oktober 2019.

• **Tempoh Tangguh - Tempoh Tanpa Caj Kewangan (tidak termasuk untuk Pelan Pindahan Baki, *EasyCash* dan Pendahuluan Tunai)**

Bagi transaksi runcit - 20 hari dari tarikh penyata, sekiranya semua transaksi runcit bulanan sebelumnya telah dibayar sepenuhnya sebelum atau pada tarikh akhir pembayaran. Jika tidak, caj kewangan pada transaksi runcit akan dikira dari tarikh pengeposan transaksi.

• **Liabiliti Pemegang Kad Kredit**

Anda hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk memastikan Kad Kredit dan PIN anda dilindungi sepanjang masa. Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) TIDAK:

- i. mendedahkan butiran Kad Kredit atau PIN anda kepada mana-mana orang lain;
- ii. menulis PIN anda pada Kad Kredit, atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit, yang boleh hilang atau dicuri dengan Kad Kredit atau apa sahaja dan di mana sahaja yang dapat difahami oleh mana-mana orang lain sebagai PIN ke Kad Kredit anda;
- iii. menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon;

- iv. membenarkan Kad Kredit di luar penjagaan; dan
- v. membenarkan mana-mana orang menggunakan Kad Kredit dan/atau PIN.

Anda mesti memaklumkan kepada BSN:

- i. sebaik sahaja menerima notifikasi transaksi SMS jika transaksi itu tidak dibenarkan; atau
 - ii. dengan segera setelah mendapati Kad Kredit anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah telah berlaku dan/atau terdapat pendedahan PIN anda; atau
 - iii. dengan segera sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam nombor telefon pemegang kad.
- Anda mesti menggunakan Kad Kredit secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Kredit untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
 - Anda mesti menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa penangguhan.
 - Anda mesti mematuhi terma dan syarat untuk menggunakan Kad Kredit di www.bsn.com.my
 - Sekiranya anda adalah Pemegang Kad Kredit Utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan.

4. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Perihalan
Yuran Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Kad Kredit Utama – Dikecualikan Sepanjang Hayat • Kad Kredit Tambahan – Dikecualikan Sepanjang Hayat
Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	<ul style="list-style-type: none"> • Kad Kredit Utama – RM25 setahun bagi setiap kad • Kad Kredit Tambahan – RM25 setahun bagi setiap kad
Yuran Pendahuluan Tunai (jika terpakai)	5% daripada jumlah yang dikeluarkan atau minimum RM10, yang mana lebih tinggi akan dikenakan kepada akaun Kad Kredit bagi setiap urusniaga Pendahuluan Tunai yang dibuat.
Yuran Penggantian Kad Kredit (jika terpakai)	Penggantian Kad Kredit Kali Pertama: Dikecualikan Penggantian Kad Kredit Kali Kedua dan seterusnya: RM50 untuk setiap Kad Kredit
Yuran untuk Permintaan Deraf Jualan (jika terpakai)	<ul style="list-style-type: none"> • Deraf Jualan Asal – RM15 setiap satu salinan • Salinan Fotokopi Deraf Jualan – RM5 setiap satu salinan
Yuran Penyata Tambahan Kad Kredit (jika terpakai)	RM5 bagi setiap penyata bulanan
Tukaran Bagi Transaksi Luar Negara (jika terpakai)	Transaksi yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar harian transaksi berdasarkan turun naik pasaran. Kadar tukaran adalah berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Visa International/Mastercard Worldwide ditambah kos pentadbiran sebanyak 1% dan sebarang yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International/Mastercard Worldwide.
Lain-lain Yuran/Caj (jika ada)	Terpakai kepada semua perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh BSN kepada Pemegang Kad Kredit tertakluk kepada pemakluman melalui notis yang akan diberikan 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan.

Nota: Semua Yuran dan Caj yang dikenakan ke atas Akaun Kad Kredit anda (kecuali Caj Bayaran Lewat dan Caj Kewangan untuk transaksi runcit/pendahuluan tunai) adalah tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.

5. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- **Caj Bayaran Lewat**
Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata (yang mana lebih tinggi), sehingga maksimum RM100.
- **Hak Untuk Tolak Selesai**
BSN berhak membuat tolakan (set-off) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di BSN untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada BSN tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (set-off) atau pindahan tersebut dilaksanakan.

- **Liabiliti untuk Transaksi yang Tidak Diberikuasa**

Anda mesti mengamalkan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan Kad Kredit anda. Jika Kad Kredit anda hilang atau dicuri, anda mesti memaklumkan BSN dengan serta-merta, diikuti dengan pengesahan bertulis bersama dengan salinan laporan polis tidak lewat dari tujuh (7) hari dari kejadian tersebut.

Anda akan bertanggungjawab ke atas:

- i. penipuan; atau
- ii. penangguhan dalam memaklumkan BSN secepat yang mungkin selepas mendapat kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- iii. pendedahan PIN kepada orang lain secara sukarela; atau
- iv. pencatatan PIN pada Kad Kredit atau apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit anda.

Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi yang tidak sah yang memerlukan pengesahan tandatangan atau transaksi tanpa sentuh, jika anda:

- i. melakukan penipuan; atau
- ii. menangguhan dalam memaklumkan BSN secepat yang mungkin selepas mendapat kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- iii. meninggalkan Kad Kredit atau item yang mengandungi Kad Kredit anda tanpa jagaan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
- iv. secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit anda.

Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit BSN, BSN berhak untuk menamatkan Kad Kredit anda dan keseluruhan baki tertunggak hendaklah serta merta dibayar kepada BSN.

Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk membalaiknotis peringatan dan kos undang-undang akan ditanggung oleh anda (jika berkenaan). Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar atau tinggi kepada anda.

6. Apakah risiko utama?

- Sekiranya anda hanya membayar jumlah minimum bulanan yang perlu dibayar, caj faedah dan masa yang diambil untuk menjelaskan jumlah keseluruhan baki akan bertambah. Fikirkan keupayaan pembayaran anda apabila menggunakan Kad Kredit BSN.
- Sekiranya anda menggunakan Kad Kredit untuk membayar pembiayaan lain, ianya mungkin akan menambahkan tanggungan anda.
- Caj Kewangan yang dikenakan ke atas baki tertunggak bagi Kad Kredit ini adalah berdasarkan struktur kadar berperingkat mengikut sejarah pembayaran balik anda.
- Untuk mengelakkan Caj Kewangan yang dikenakan, semua Pemegang Kad yang telah melanggar kepada pelan pembayaran bulanan ‘tanpa faedah’ dikehendaki membuat bayaran ansuran bulanan penuh yang dinyatakan oleh pihak BSN pada masa Pemegang Kad menyertai Pelan Pembayaran Ansuran (“Ansuran Bulanan”). Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk membayar bayaran minimum lima peratus (5%) daripada jumlah baki tertunggak di bawah Pelan Bayaran Ansuran (“Baki Tertunggak”) atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), yang mana lebih tinggi dan bukan Ansuran Bulanan sepenuhnya, Caj Kewangan akan dikenakan.
- Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan baki Kad Kredit BSN, hubungi BSN dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- Anda harus memaklumkan BSN sebaik sahaja mengetahui Kad Kredit BSN anda hilang atau dicuri.
- Jika BSN mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan pada Akaun Kad Kredit anda, BSN akan menyekat hak kredit anda sementara sehingga aktiviti tersebut disahkan.
- BSN berhak, dengan notis, menarik balik semua kemudahan kredit lain yang anda miliki dengan BSN sekiranya berlaku kegagalan membayar balik Kad Kredit atau jika anda melanggar mana-mana terma dan syarat Kad Kredit BSN.

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya baki sebelum tempoh matang? (Untuk Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN EasyCash, Pelan Instalment-Pay BSN dan Pelan 0% EasyPay BSN)

Anda tidak akan dikenakan sebarang penalti penyelesaian awal jika anda menyelesaikan sepenuhnya Program Pindahan Baki BSN, Pelan BSN EasyCash, Pelan Instalment-Pay BSN dan Pelan 0% EasyPay BSN sebelum tempoh matang. Bagaimanapun, anda akan dikenakan jumlah keseluruhan hutang kepada BSN, termasuk amaun pokok dan faedah tertunggak sebagai pembayaran akhir.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada BSN dengan segera apa-apa perubahan dalam alamat perniagaan atau kediaman dan nombor telefon anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

- i. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan tentang Kad Kredit BSN, anda boleh melayari laman web kami di www.bsn.com.my atau tulis ke:

Jabatan Perniagaan Kad & Merchant,
Bank Simpanan Nasional,
Tingkat Bawah, Blok A
117 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Telefon : 1300-88-1900
Faks : 03-2688 0888
Emel : customercare@bsn.com.my

- ii. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak BSN dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia (BNM) atau BNMLINK di:

BNMLINK
Jabatan Komunikasi Korporat,
Bank Negara Malaysia,
P.O.Box 10922,
50929 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465 (Waktu operasi: Isnin – Jumaat: 9.00 pagi – 5.00 petang)
eLink (borang dalam laman sesawang): <https://telelink.bnm.gov.my>

- iii. Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah didirikan oleh BNM yang menawarkan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Telefon : 03-2616 7766
Emel : enquiry@akpk.org.my

NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BAKI KAD KREDIT ANDA.

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai Jun 2024.